



Rujukan Kami : KPKT.BH(S).100-6/1/3 Jilid 6 (14)

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**GARIS PANDUAN
KAWAL SELIA PERNIAGAAN DARI RUMAH
(*HOME-BASED BUSINESS*)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung pemakaian dan pelaksanaan Garis Panduan Kawal Selia Perniagaan Dari Rumah (*Home-Based Business*).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-82 yang bersidang pada 27 Mac 2024 telah bersetuju dengan Garis Panduan Kawal Selia Perniagaan Dari Rumah (*Home-Based Business*). Garis panduan ini juga telah dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 November 2023.

3. Sejak pandemik COVID-19, sebilangan besar rakyat mula menjalankan perniagaan dari rumah untuk meneruskan kelangsungan hidup akibat kehilangan punca pendapatan dan trend berkenaan masih berterusan sehingga kini. Oleh itu, bagi menyokong trend serta ekosistem perniagaan secara dalam talian/ dari rumah/ usahawan informal yang semakin meningkat, garis panduan ini dibangunkan untuk

menyokong inisiatif Pelan Pemformalan Usahawan Informal yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebagai usaha Kerajaan untuk menggalakkan usahawan mendaftarkan perniagaan mereka secara rasmi.

4. Inisiatif ini dijangka akan memberi manfaat kepada –
 - i. pihak Kerajaan Negeri dan PBT dari aspek penambahan pendapatan melalui kutipan fi lesen, mengenal pasti perniagaan-perniagaan yang berpotensi untuk diketengahkan menjadi industri serta mewujudkan perancangan bandar yang lebih harmoni serta mapan; dan
 - ii. usahawan dari rumah bukan sahaja dapat meningkatkan punca pendapatan, malah berpeluang untuk memperoleh sokongan pembangunan perniagaan serta kebajikan sosial yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan seperti pembiayaan perniagaan, penglibatan dalam program-program Kerajaan, kursus dan latihan.

GARIS PANDUAN

5. Garis Panduan Kawal Selia Perniagaan Dari Rumah (*Home-Based Business*) adalah seperti di **LAMPIRAN**. Garis panduan ini merujuk kepada perniagaan dari rumah yang dijalankan secara dalam talian atau fizikal yang dimiliki atau dioperasikan oleh individu dari rumah, di samping menyenaraikan hampir 50 aktiviti perniagaan yang dibenarkan dan 21 aktiviti perniagaan yang dilarang untuk beroperasi dari rumah.

6. Garis panduan ini turut menyentuh aspek keselamatan serta kawalan yang akan menjadi punca kuasa kepada agensi terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan PBT dalam melaksanakan penguatkuasaan supaya perniagaan dari rumah dapat beroperasi dengan baik tanpa menimbulkan ancaman keselamatan serta kacau ganggu terhadap penduduk setempat.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA
(u.p. : Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan
Peniaga Kecil)

No. Tel. : 03-88836365/ 6162
E-mel : sppk.bkppk@kuskop.gov.my

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **10 Jun 2024**.

PEMAKAIAN

9. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.



(DATUK WIRA M NOOR AZMAN BIN TAIB)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

20 Mei 2024

Salinan kepada:

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

GARIS PANDUAN KAWAL SELIA PERNIAGAAN DARI RUMAH

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Tujuan	1 – 2
2.0	OBJEKTIF	2
3.0	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	
	Undang-Undang/ Peraturan-Peraturan atau Garis Panduan yang Diguna pakai (Sedia Ada)	3 – 4
4.0	TAFSIRAN	4 – 8
5.0	PERNIAGAAN DARI RUMAH	
5.1	Definisi Perniagaan Dari Rumah	
5.2	Ciri-Ciri Asas	
5.2.1	Perniagaan Dalam Talian (<i>Online Business</i>)	
5.2.2	Perniagaan Secara Fizikal	
5.2.3	Pendaftaran Perniagaan	9 – 20
5.2.4	Skala Perniagaan	
5.2.5	Premis Perniagaan	
5.2.6	Lokasi dan Keluasan Kebenaran Berniaga	
5.2.7	Surat Sokongan Berniaga dan Kebenaran Berniaga	
5.3	Aktiviti Perniagaan yang Dibenarkan	
5.4	Aktiviti Perniagaan yang Dilarang	
5.5	Syarat Permohonan Lesen Perniagaan Dari Rumah	
5.6	Tatacara Permohonan Lesen Perniagaan Dari Rumah	
5.7	Kategori Lesen, Kadar Fi, Papan Tanda dan Iklan Jualan Perniagaan	
5.7.1	Kategori Lesen Perniagaan	
5.7.2	Kadar Fi Perniagaan	
5.7.3	Papan Tanda Perniagaan	
5.7.4	Iklan Jualan	
6.0	KESELAMATAN PERNIAGAAN DARI RUMAH	
6.1	Kebersihan Makanan	21
6.2	Penggunaan Mesin	
6.3	Lain-lain Keselamatan	
7.0	KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN	
7.1	Jenis Kediaman/ Perniagaan	
7.2	Pekerja	22 – 23
7.3	Lesen Perniagaan	
7.4	Kawalan dan Penguatkuasaan	
7.5	Denda/ Kompaun	
8.0	PENGECUALIAN, PENAFIAN, TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN	
8.1	Pengecualian dan Penafian	23 – 24
8.2	Tarikh Kuat Kuasa	
8.3	Pembatalan	
9.0	PENUTUP	24

INISIATIF GARIS PANDUAN PERNIAGAAN DARI RUMAH

1.0 PENDAHULUAN

Ekonomi dunia merudum teruk apabila wabak COVID-19 diumumkan sebagai pandemik. Malaysia tidak terkecuali dan mula terkesan dengan wabak tersebut terutama apabila Perintah Kawalan Pergerakan yang pertama diumumkan pada Mac 2020. Negara menyaksikan rakyatnya dibuang kerja dan perniagaan mikro dan kecil terjejas teruk sehingga ada yang gulung tikar. Justeru, bagi mencari jalan untuk meneruskan kelangsungan hidup, perniagaan dari rumah terutamanya operasi secara dalam talian berkembang pesat ibarat “cendawan tumbuh selepas hujan”.

Walau bagaimanapun, hal ini telah menimbulkan kesukaran dalam mengawal selia perniagaan yang beroperasi dari rumah seperti isu keselamatan dan penguatkuasaan terutama di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Justeru, satu kertas perbincangan berhubung perniagaan dari rumah di Malaysia telah dibentangkan pada Mesyuarat Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN) Bil.1/ 2021 pada 9 Februari 2021. Susulan itu, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council - EAC*) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju agar KUSKOP mengambil tindakan dan mengadakan kerjasama dengan PBT bagi mewujudkan kerangka kawal selia perniagaan yang mesra dan memudahkan cara usahawan yang beroperasi dari rumah.

Menyedari akan kepentingan kawal selia perniagaan dari rumah ini juga, Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah antara PBT terawal yang telah mengeluarkan garis panduan bagi mengawal selia perniagaan dari rumah. PBT lain yang turut mengeluarkan garis panduan seumpama adalah Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Garis panduan yang dikeluarkan tersebut adalah merujuk kepada perniagaan dari rumah secara dalam talian sahaja.

1.1 TUJUAN

Garis Panduan Kawal Selia Perniagaan dari Rumah ini disediakan adalah sebagai rujukan dan panduan kepada semua PBT di seluruh negara bagi membantu pengusaha/ pemilik perniagaan dari rumah berhubung tatacara permohonan lesen perniagaan dari rumah dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan mengikut undang-undang/ peraturan yang telah ditetapkan serta tidak menimbulkan kacau ganggu dan ancaman keselamatan kepada penduduk berhampiran. Garis panduan ini juga diwujudkan bagi menyokong agenda Kerajaan bagi menggalakkan pendaftaran perniagaan yang sah dalam kalangan usahawan informal negara ini agar perniagaan yang dijalankan lebih terkawal dan selamat terutama perniagaan yang melibatkan penyediaan makanan.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mewujudkan keseragaman prosedur dan kawalan pelaksanaan pelesenan perniagaan dari rumah di seluruh negara;
- 2.2 Menjelaskan tatacara pelesenan aktiviti perniagaan dari rumah;
- 2.3 Memastikan perniagaan dari rumah dijalankan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;
- 2.4 Merencanakan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan perniagaan di seluruh negara; dan
- 2.5 Salah satu kaedah pengumpulan data usahawan di Malaysia.

3.0 UNDANG-UNDANG/ PERATURAN-PERATURAN ATAU GARIS PANDUAN YANG DIGUNA PAKAI (SEDIA ADA)

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang dan peraturan/ garis panduan berikut:

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]
2. Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 828*]
3. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]
4. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]
5. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*]
6. Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*]
7. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*]
8. Akta Makanan 1983 [*Akta 281*]
 - (a) Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U(A) 437/1985*]
 - (b) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 [*P.U(A) 95/2009*]
9. Akta Jualan Dadah 1952 [*Akta 368*]
 - (a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [*P.U(A) 223/1984*];
10. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*]
 - (a) Peraturan-Peraturan Perubatan Tradisional dan Komplementari 2021 [*P.U(A) 69/2021*]
11. Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*]
 - (a) Peraturan-Peraturan Peranti Perubatan (Pengiklanan) 2019 [*P.U(A) 317/2019*];
12. Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*]
13. Akta Racun 1952 [*Akta 366*]
14. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*]
15. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*]
16. Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]
17. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*]
18. Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*]
19. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017 [*Akta A1544*]
20. Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*]

21. Garis Panduan Penjualan Produk Farmaseutikal Bukan Racun Secara Dalam Talian
22. Garis Panduan Keselamatan Makanan bagi Makanan Sediaan di Rumah
23. Garis Panduan Penjualan Alat Optik dan Kanta Lepak Secara Dalam Talian
24. Garis Panduan Permohonan Penyenaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-Based Food*)
25. Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 [L.N. 282/57]
26. *Local Authorities Ordinance* 1969 (Sarawak)
27. Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah)
28. Undang-Undang Kecil (UUK) yang terpakai di PBT Negeri
29. Panduan (MDA/GD/0032) *Code of Advertisement*
30. Pekeliling dan arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah (PD) dan Jabatan/ Agensi di negeri-negeri yang berkuat kuasa;
31. Mana-mana peruntukan berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

4.0 TAFSIRAN

Dalam Garis Panduan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“**Bangunan**” ertinya termasuklah sesebuah rumah, pondok, syed atau kepungan beratap, sama ada digunakan bagi maksud kediaman manusia atau selainnya, dan juga sesuatu tembok, pagar, pelantar, tangki bawah tanah, pementasan, get, tiang, pilar, paling, bingkai, papan dendeng, pelancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas pengkalan, kolam renang, jambatan, landasan keretapi, talian penghantaran, kabel, talian redifusyen, talian paip atas atau bawah tanah, atau apa-apa lain rangka bina, tupang atau asas;

"**Bangunan Kediaman**" ertinya sesuatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang direka bentuk, dipadan atau digunakan untuk kediaman manusia.

“Force Majeure” ertinya suatu peristiwa bukan di bawah kawalan pihak yang terjejas, yang pihak itu tidak dapat mencegah, mengelak atau menghindari, dan hendaklah bermaksud—

(a) peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), permusuhan, serangan, tindakan musuh asing, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa, perang saudara, atau tindakan keganasan;

(b) radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear, daripada pembakaran bahan api nuklear, bahan letupan toksik radioaktif, atau sifat-sifat berbahaya yang lain daripada mana-mana bahan letupan, pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya;

(c) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau alat peranti aerial lain yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;

(d) bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, penenggelaman, dan pembakaran spontan bawah tanah atau mana-mana operasi kuasa alam semula jadi, kilat dan cuaca yang sangat buruk;

(e) rusuhan, kekecohan dan gangguan, kerosakan jenayah, sabotaj, mogok, sekat masuk, kekacauan buruh atau gangguan industri lain (yang menjejaskan pelaksanaan Perjanjian ini) yang bukan merupakan kesalahan Syarikat, atau Kerajaan, yang menyebabkan, atau boleh dengan munasabahnya dijangka menyebabkan, mana-mana Pihak gagal untuk mematuhi obligasinya;

(f) pandemik atau epidemik; atau

(g) apa-apa peristiwa yang tidak dapat diramalkan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

(i) di luar kawalan munasabah pihak yang terjejas oleh peristiwa itu, keadaan atau gabungan peristiwa atau keadaan;

(ii) yang tidak dapat diramalkan atau, jika dapat diramalkan, tidak boleh dihalang atau dielak atau diatasi oleh pihak yang terjejas yang telah mengambil segala usaha yang wajar dan cermat;

(iii) yang secara langsung menyebabkan pihak yang terjejas tidak berupaya untuk mematuhi semua atau suatu bahagian material obligasinya di bawah Garis Panduan ini; dan

(iv) yang bukan akibat langsung pelanggaran oleh pihak yang terjejas obligasinya di bawah Garis Panduan ini.

"Iklan" ertinya tiap-tiap bentuk pengiklanan (sama ada atau tidak disertai dengan atau dikaitkan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau dengan tulisan atau bunyi lain dan sama ada atau tidak terkandung atau diterbitkan dalam terbitan) dengan cara mempamerkan notis atau melalui katalog, senarai harga, pekeliling, label, kad atau dokumen atau bahan lain atau dengan menunjukkan filem atau gambar atau fotograf, atau melalui radio atau televisyen, atau dengan apa-apa cara lain termasuk melalui cara elektronik.

"Kacau Ganggu" ertinya sesuatu perbuatan, peninggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kegusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak penduduk umumnya.

"Kosmetik" ertinya apa-apa bahan atau persediaan yang dicadangkan untuk diletakkan bersentuhan dengan pelbagai bahagian luar tubuh manusia (termasuk epidermis, sistem rambut, kuku, bibir dan bahagian luar organ genital) atau dengan gigi dan membrane mukos kaviti oral dengan tujuan khususnya atau terutamanya untuk membersihkannya, mewangikannya,

mengubah rupanya atau menghilangkan bau badan, melindunginya atau memeliharanya dalam keadaan baik.

"Lesen Sementara" ertinya lesen yang dikeluarkan kepada pemohon sementara menanti pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Melesen (PBM) ke atas permohonan suatu lesen perniagaan. Lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh dikeluarkan.

"Luas Lantai" ertinya jumlah luas ruang lantai dalam suatu bangunan, sebagaimana yang diukur dari sebelah luar dinding atau, dalam hal dinding kongsi, diukur dari tengah-tengah dinding itu.

"Pengendali Makanan" ertinya termasuklah mana-mana orang yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan; menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan; dan mengendalikan makanan yang berbungkus atau tidak dibungkus, atau perkakas, dalam mana-mana premis makanan.

"Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah" ertinya pemilik perniagaan makanan sediaan di rumah (*home-based food*).

"Perkhidmatan" ertinya apa-apa perihalan perkhidmatan, sama ada perindustrian, perdagangan, profesional atau selainnya tetapi tidak termasuk apa-apa yang dibuat di bawah kontrak perkhidmatan.

"Perniagaan Dalam Talian" ertinya merupakan apa-apa perniagaan yang dijalankan secara dalam talian yang menggunakan internet sebagai medium perantaraan bagi tujuan mengiklankan, mempromosi dan menjalankan penjualan produk/ perkhidmatan antara penjual dan pembeli. Meliputi pelbagai bentuk tred, perdagangan, pertukangan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti perniagaan lain melalui perkhidmatan secara digital/ elektronik dengan rangkaian pemasaran bagi maksud mendapatkan keuntungan, komisen atau apa-apa faedah ekonomi yang lain.

"Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)" ertinya mana-mana majlis bandar raya, majlis perbandaran, perbandaran, majlis daerah, majlis bandaran, lembaga bandaran, majlis tempatan, lembaga luar bandar, pejabat daerah atau mana-mana pihak berkuasa lain seumpamanya yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau berhubungan dengan Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190].

"Premis" ertinya apa-apa tempat, yang tidak bergerak atau sebaliknya yang ditubuhkan atau didirikan oleh mana-mana orang, sama ada tempat itu ada atau tiada kepungan, termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara atau tidak di bawah pihak berkuasa tempatan.

"Rumah" ertinya termasuklah rumah kediaman, gudang, pejabat, rumah pengiraan, kedai, sekolah, dan sesuatu bangunan lain dalam mana orang-orang bekerja.

"Rumah Kediaman" ertinya termasuklah sesuatu bangunan atau tenemen yang digunakan kesemuanya atau sebahagian besarnya, yang dibina atau dipadankan untuk digunakan bagi kediaman manusia.

"Undang-undang Kecil" berhubungan dengan sesuatu pihak berkuasa tempatan ertinya mana-mana undang-undang kecil yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan itu di bawah mana-mana kuasa yang diberi kepada pihak berkuasa tempatan itu bagi maksud itu oleh mana-mana daripada peruntukan Kerajaan.

5.0 PERNIAGAAN DARI RUMAH

5.1 Definisi

Perniagaan yang dijalankan secara dalam talian atau fizikal yang dimiliki atau dioperasikan oleh individu dari rumah.

5.2 Ciri-Ciri Asas

5.2.1 Perniagaan Dalam Talian (*Online Business*)

Perniagaan yang dijalankan melalui saluran dalam talian bagi tujuan perniagaan dan pemasaran.

5.2.2 Perniagaan Secara Fizikal

Perniagaan yang dijalankan dengan penerimaan pelanggan pada tahap minimum dan terhad tertakluk kepada ketetapan PBT masing-masing.

5.2.3 Pendaftaran perniagaan

Perniagaan mestilah didaftarkan dengan mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan.

5.2.4 Skala Perniagaan

Perniagaan adalah berskala kecil yang tertakluk kepada pertimbangan PBT masing-masing iaitu secara asasnya tidak menimbulkan sebarang masalah kesihatan persekitaran, gangguan trafik, ancaman keselamatan, kacau ganggu awam atau seumpamanya kepada jiran dan penduduk setempat.

5.2.5 Premis Perniagaan

Premis kelihatan seperti rumah kediaman serta didiami oleh peniaga dan bukan kelihatan seperti premis perniagaan.

5.2.6 Lokasi dan Keluasan Kebenaran Berniaga

- i. Penggunaan ruang luas lantai perniagaan maksimum yang dibenarkan adalah sebanyak 25% daripada luas binaan (bangunan utama) secara setempat **ATAU** satu ruang yang penggunaan keluasannya tertakluk kepada ketetapan PBT masing-masing;
- ii. Kebenaran hanyalah di dalam bangunan kediaman sahaja dan mengekalkan reka bentuk kediaman sedia ada.
- iii. Pemohon hendaklah menggunakan lakaran (yang ditandakan) pada pelan lantai rumah yang dijadikan kawasan aktiviti perniagaan, gambar luar hadapan dan dalam rumah.

5.2.7 Surat Sokongan Berniaga dan Kebenaran Berniaga

- i. Pemohon perlu mendapatkan surat sokongan berniaga daripada jiran (kiri dan kanan premis kediaman) jika berkaitan; atau/dan
- ii. Pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) jika berkaitan; dan
- iii. Pemohon juga perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pemilik premis bagi menjalankan

perniagaan dari rumah sekiranya premis yang digunakan adalah premis sewaan.

5.3 AKTIVITI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

Aktiviti perniagaan yang **DIBENARKAN** untuk perniagaan dari rumah adalah seperti senarai di bawah dengan pertimbangan berikut:

- i. aktiviti yang dinyatakan boleh ditambah atau dikeluarkan daripada senarai tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan dari semasa ke semasa; dan
- ii. pengoperasian aktiviti yang dinyatakan boleh ditentukan mengikut kategori perumahan (bertanah/ strata) tertakluk kepada PBT masing-masing.

A. KATEGORI PERKHIDMATAN

1. Pejabat pengurusan, pentadbiran, pemasaran dan penyimpanan;
2. Menjahit pakaian (dengan kawalan mesin);
3. Gunting rambut;
4. Penghantaran hadiah;
5. Mengajar, kursus dan konsultasi;
6. Perubatan tradisional
 - i. Perubatan Tradisional Melayu (herba Melayu;urut Melayu; bekam Melayu; penjagaan *postnatal*);
 - ii. Perubatan Tradisional Cina (herba Cina; tuina; bekam Cina; akupunktur dan moksibusi); dan
 - iii. Perubatan Tradisional India (Ayurveda; Siddha)
7. Pusat tuisyen dan kelas agama;
8. Percetakan (risalah, kad perniagaan, pelekat, pakaian dan seumpamanya);

9. Kraf tangan dan perkhidmatan gubahan (bunga, coklat, hantaran dan hadiah);
10. Studio seperti seni kecantikan dan lain-lain;
11. Rawatan kecantikan; dan
12. Teknologi, multimedia, fotografi dan video.

B. KATEGORI BARANGAN KOMPUTER/ TELEKOMUNIKASI/ VIDEO/ ELEKTRIK/ ELEKTRONIK

1. Telekomunikasi termasuk telefon, telefon bimbit, telefon pintar, tablet dan aksesori berkaitan;
2. Peralatan teknologi dan multimedia termasuk komputer peribadi, komputer riba, pencetak, pengimbas, pembesar suara dan aksesori;
3. Permainan elektronik, permainan video dan aksesori;
4. Peralatan muzik, fotografi dan video; dan
5. Peralatan elektrik, elektronik dan aksesori.

C. KATEGORI BARANGAN KECANTIKAN DAN KOSMETIK

1. Peralatan kosmetik dan barang penjagaan kebersihan diri seperti minyak wangi, sabun, ubat gigi dan seumpamanya (ejen/ stokis/ *dropship* sahaja);
2. Barangan kecantikan (ejen/ stokis/ *dropship* sahaja); dan
3. Peranti perubatan bagi tujuan kecantikan dan kesihatan.

D. KATEGORI BARANGAN TEKSTIL DAN PAKAIAN

1. Pakaian siap dan aksesori pakaian; dan
2. Tekstil termasuk semua jenis kain.

E. KATEGORI BARANGAN PERHIASAN LELAKI DAN WANITA/ AKSESORI HAIWAN

1. Tali pinggang, topi, jam dan beg;
2. Kasut, selipar, sandal dan seumpamanya;

3. Cermin mata hitam (*sunglasses*) tanpa kuasa;
4. Semua jenis aksesori perhiasan lelaki dan wanita; dan
5. Semua jenis aksesori perhiasan haiwan peliharaan.

F. KATEGORI BARANGAN RUMAH/ PEJABAT

1. Kelengkapan rumah dan pejabat seperti karpet, langsir, sarung sofa, cadar, tuala dan lain-lain;
2. Perkakasan rumah (*hardware*) dan bahan pencuci;
3. Peralatan pertukangan;
4. Peralatan dapur termasuk aksesori; dan
5. Kelengkapan pejabat.

**G. KATEGORI BARANGAN MAKANAN DAN MINUMAN/
MAKANAN HAIWAN**

1. Bakeri (dengan kawalan bilangan mesin);
2. Makanan seperti siap masak, sejuk beku, dalam tin, kotak dan sebagainya;
3. Minuman seperti dalam tin, kotak dan sebagainya;
4. Makanan berat seperti set makanan panas, nasi, lauk, shell-out dan lain-lain;
5. Makanan ringan seperti jeruk, keropok, kuih, kek, pastri, coklat, kacang, kerepek dan lain-lain;
6. Makanan mentah yang telah siap disiang dan dibasuh; dan
7. Makanan haiwan.

H. KATEGORI AKSESORI KENDERAAN

Semua aksesori motosikal, kereta dan seumpamanya yang berskala kecil untuk tujuan pembekalan sahaja (pembaikan dan pemasangan adalah tidak dibenarkan).

I. KATEGORI BARANGAN BAYI DAN KANAK-KANAK

Semua barangan dan aksesori bayi dan kanak-kanak seperti susu, lampin, mainan, produk mandian, botol susu, botol air, buaian, kereta sorong dan kerusi kereta bayi.

J. KATEGORI PERALATAN TULIS DAN BAHAN BACAAN

1. Bahan bacaan dan aksesori seperti buku, majalah, aksesori serta aplikasi pembelajaran dan lain-lain (tidak termasuk bahan bacaan yang terlarang); dan
2. Alat tulis dan lain-lain yang seumpamanya.

K. KATEGORI PERTANIAN

Bunga, pokok serta tanaman skala kecil, baja, pasu, benih dan racun.

L. KATEGORI BARANGAN KEPERLUAN HARIAN

1. Barangan runcit (berskala kecil); dan
2. Barangan keperluan harian.

M. KATEGORI BARANGAN HOBI DAN SUKAN

1. Peralatan memancing, sukan dan kecergasan; dan
2. Basikal dan aksesori basikal.

N. KATEGORI PEMBUATAN KECIL-KECILAN

Barangan kraf tangan

5.4 AKTIVITI PERNIAGAAN YANG DILARANG

Aktiviti perniagaan yang **DILARANG** untuk perniagaan dari rumah adalah seperti senarai di bawah dengan pertimbangan seperti berikut:

- i. aktiviti yang dinyatakan boleh ditambah atau dikeluarkan daripada senarai tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan dari semasa ke semasa; dan
- ii. pengoperasian aktiviti yang dinyatakan boleh ditentukan mengikut kategori perumahan (bertanah/ strata) tertakluk kepada PBT masing-masing.

A. JENIS PERNIAGAAN YANG DILARANG

1. Pengilangan, pembuatan dan/ atau penjualan ubat termasuklah ubat tradisional atau herba dan kosmetik atau persediaan yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 [*Akta 366*], Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dan Akta Jualan Dadah 1952 [*Akta 368*] serta Peraturan-Peraturannya;
2. Penjualan kosmetik yang tidak bernetifikasi di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [*P.U(A) 223/1984*];
3. Penjualan cermin mata (tanpa kuasa pembetulan dan dengan kuasa pembetulan) dan semua jenis kanta lekap (berwarna atau tidak berwarna, tanpa kuasa pembetulan dan dengan kuasa pembetulan);
4. Makanan Bertujuan Khas - iaitu pembuatan makanan untuk bayi yang tidak dibenarkan seperti rumusan bayi, rumusan susulan, bijirin untuk bayi dan kanak-kanak;
5. Penyediaan makanan berasaskan susu dan hasilan susu (seperti yang disenaraikan dalam Garis Panduan

Permohonan Penyenaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-Based Food*);

6. Makanan yang disyaratkan lesen di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 seperti air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi dan ais;
7. Pejabat pengurusan, pentadbiran, pemasaran dan penyimpanan melibatkan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*];
8. Membaiki kenderaan;
9. Menjadikan rumah sebagai pusat pameran (*showroom*);
10. Penjualan secara langsung (runcit atau jumpa terus) kepada pelanggan seperti membuka meja jualan dan sebagainya dengan penerimaan pelanggan tanpa had;
11. Penggunaan peralatan mekanikal yang berat;
12. Peralatan yang mengeluarkan debu, bunyi bising, bau dan sebagainya;
13. Penjualan/ penyimpanan senjata api, senjata tiruan, minuman keras, rokok dan seumpamanya;
14. Penjualan barangan mudah terbakar, kimia dan gas;
15. Penjualan barangan basah yang boleh menyebabkan pencemaran kawasan persekitaran;
16. Penyimpanan stok secara berlebihan yang menukarkan premis kediaman sebagai stor atau gudang;
17. Menjual cecair rokok elektronik (*vape* atau *pod* atau yang seumpamanya) termasuk produk yang mengandungi nikotin;
18. Alat-alat peranti yang tidak disahkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM);
19. Perniagaan yang melanggar akta dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);

20. Perkara/ barangan berkaitan aktiviti khurafat atau yang bertentangan dengan agama/ kepercayaan masing-masing; dan
21. Produk/ barangan / perkhidmatan yang melanggar mana-mana undang-undang bertulis atau diharamkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

5.5 SYARAT PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DARI RUMAH

1. Pemohon adalah seorang warganegara Malaysia.
2. Dokumen berkaitan telah dihantar dan dilengkapi.
3. Pemohon adalah pemilik atau penyewa rumah yang sah.
4. Menggunakan sepenuhnya saluran dalam talian bagi memasarkan perniagaan.
5. Telah menerima sokongan jiran dan kebenaran JMB/ MC mengikut kesesuaian lokasi premis kediaman (jika berkaitan).
6. Semua tanggungjawab berhubung kait dengan pengoperasian perniagaan dari rumah adalah di bawah pemegang lesen.
7. Sekiranya terdapat aduan dan pelanggaran syarat-syarat lesen berhubung perniagaan dari rumah yang dijalankan, PBT berhak untuk membatalkan/ menarik balik lesen.
8. PBT boleh menetapkan syarat-syarat tambahan lain yang tidak bertentangan dengan garis panduan ini dari semasa ke semasa.
9. PBT boleh memberi lesen sementara sebelum lesen perniagaan dari rumah sebenar dikeluarkan (tertakluk kepada pematuhan oleh peniaga bersekali dengan semakan dan penilaian oleh PBT dalam tempoh masa yang dirasakan wajar).
10. Pengambilan/ penggajian pekerja adalah terhad kepada satu (1) orang sahaja bagi bidang yang memerlukan pengalaman dan kemahiran tertentu (tertakluk kepada budi bicara PBT).

5.6 TATACARA PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DARI RUMAH

A. KATEGORI MAKANAN

1. Salinan dokumen pendaftaran SSM 'Perniagaan Dalam Talian'/ 'Perniagaan Dari Rumah' **ATAU** pendaftaran dengan mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan;
2. Premis perniagaan - dokumen perjanjian sewaan **ATAU** dokumen hak milik **ATAU** apa-apa dokumen yang membuktikan pemilikan premis;
3. Salinan kad pengenalan;
4. Gambar berwarna premis (hadapan/ luar dan dalam premis);
5. Lakaran pelan lokasi premis;
6. Lakaran ruang lantai kawasan aktiviti perniagaan dalam premis;
7. Premis **HENDAKLAH** telah dipasangkan dengan perangkap minyak (*grease trap*);
8. Premis pengusaha **HENDAKLAH** didaftarkan di bawah kategori perusahaan makanan di rumah/ *home-based* di dalam sistem *Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM)*;
9. Sijil Latihan Pengendali Makanan dari Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh KKM; dan
10. Salinan bukti pengambilan pelalian anti-tifoid.

B. KATEGORI BUKAN MAKANAN

1. Salinan dokumen pendaftaran SSM 'Perniagaan Dalam Talian'/ 'Perniagaan Dari Rumah' **ATAU** pendaftaran dengan mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan;
2. Premis perniagaan - dokumen perjanjian sewaan **ATAU** dokumen hak milik **ATAU** apa-apa dokumen yang membuktikan pemilikan premis;
3. Salinan kad pengenalan;
4. Gambar berwarna premis (hadapan/ luar dan dalam premis);

5. Lakaran pelan lokasi premis;
6. Lakaran ruang lantai kawasan aktiviti perniagaan dalam premis;
7. Cetakan status notifikasi kosmetik yang dimuat turun daripada laman sesawang www.npra.gov.my (sekiranya berkaitan);
8. Cetakan status pendaftaran pengamal dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (terpakai kepada pengamal bidang amalan perubatan tradisional yang diiktiraf seperti di dalam Aktiviti Perniagaan Yang Dibenarkan – Kategori A – 6 (i), (ii) dan (iii));
9. Cetakan status pendaftaran peranti perubatan yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) (sekiranya berkaitan);
10. Cetakan status pelesenan establismen daripada MDA (sekiranya berkaitan); dan
11. Cetakan kelulusan iklan peranti perubatan (sekiranya berkaitan).

5.7 KATEGORI LESEN, KADAR FI, PAPAN TANDA DAN IKLAN JUALAN PERNIAGAAN

5.7.1 KATEGORI LESEN PERNIAGAAN

Perniagaan dalam talian di kawasan kediaman akan dikategorikan sebagai Lesen Perniagaan Dari Rumah atau Lesen Perniagaan Dari Rumah (Dalam Talian) atau Lesen/ Permit Sementara atau mana-mana lesen/ permit yang berkaitan bergantung kepada PBT masing-masing.

5.7.2 KADAR FI PERNIAGAAN

Kadar fi perniagaan adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh PBT masing-masing seperti di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], *Local Authorities*

Ordinance 1969 (Sarawak) dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah).

5.7.3 PAPAN TANDA PERNIAGAAN

Semua perniagaan dari rumah sama ada secara dalam talian atau fizikal perlulah mempunyai papan tanda perniagaan yang diletakkan di hadapan rumah dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Papan tanda tidak bercahaya;
2. Papan tanda tidak melebihi 1 meter persegi;
3. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama;
4. Papan tanda hendaklah mengandungi nama perniagaan serta nombor pendaftaran SSM dan/ atau PBT;
5. Papan tanda tidak mengandungi sebarang visual; dan
6. Papan tanda **HENDAKLAH** mematuhi undang-undang dan prosedur iklan sedia ada serta telah mendapat kelulusan menyiarkan iklan daripada PBT masing-masing.

5.7.4 IKLAN JUALAN

Pemohon perlu mengemukakan iklan niaga yang diiklankan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, pengiklanan perniagaan yang tidak mendapat kelulusan PBT adalah **TIDAK** dibenarkan.

Iklan jualan hendaklah menyampaikan maksud perniagaan dengan jelas tanpa melanggar mana-mana akta yang sedang berkuat kuasa terutamanya Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*], Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*] serta Peraturan-Peraturan di bawahnya dan akta-akta lain yang berkaitan.

6.0 KESELAMATAN PERNIAGAAN DARI RUMAH

6.1 Kebersihan Makanan

Mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh KKM dan PBT masing-masing.

Pengusaha makanan sediaan di rumah adalah digalakkan untuk memohon Penyenaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah, KKM.

6.2 Penggunaan Mesin-mesin

Mesin-mesin dibenarkan untuk kegunaan pada skala kecil sahaja iaitu tidak menimbulkan kacau ganggu dan tidak memberi ancaman keselamatan di kediaman (tertakluk kepada penguatkuasaan PBT masing-masing).

6.3 Lain-lain Keselamatan

Peniaga bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan premis kediaman sewaktu menjalankan aktiviti perniagaan dari rumah.

Pihak PBT atau mana-mana agensi lain tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan, kemusnahan, kerugian, kecederaan atau kemalangan yang disebabkan oleh aktiviti perniagaan dari rumah.

Pihak PBT boleh mendapatkan khidmat nasihat agensi-agensi penguatkuasa/ keselamatan yang berkaitan sebelum memberikan kebenaran beroperasi mahupun selepas kebenaran diberikan bagi mana-mana aktiviti perniagaan yang dibenarkan di kawasan pentadbiran masing-masing.

7.0 KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN

7.1 Jenis Kediaman/ Perniagaan

Menetapkan jenis perniagaan (perkhidmatan/ barangan) yang boleh dilaksanakan mengikut kaedah penjualan (dalam talian atau fizikal) berdasarkan jenis kediaman masing-masing.

7.2 Pekerja

Pengambilan/ penggajian pekerja adalah terhad kepada satu (1) orang sahaja bagi bidang yang memerlukan pengalaman/ kemahiran tertentu (tertakluk kepada budi bicara PBT).

7.3 Lesen Perniagaan

Lesen perniagaan perlu dipamerkan di tempat yang sesuai dan mudah dilihat di premis kediaman.

7.4 Kawalan dan penguatkuasaan

1. PBT boleh melaksanakan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap premis kediaman yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan.
2. PBT boleh bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa/ keselamatan yang berkaitan untuk melaksanakan pemeriksaan terhadap premis kediaman yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dari semasa ke semasa.
3. KKM boleh melaksanakan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap premis kediaman yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan di bawah akta KKM.
4. Mana-mana agensi Kerajaan juga boleh mengambil tindakan pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan bidang kuasa masing-masing.
5. Pengiklanan artikel (ubat) dan kemahiran atau perkhidmatan termasuk perubatan tradisional dan kontemporari, sama ada

secara maya atau fizikal yang dikawal di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290].

6. Masa perniagaan adalah tertakluk kepada ketetapan dan syarat lesen di PBT masing-masing.

7.5 Denda/ Kompauun

1. PBT boleh menggunakan budi bicara masing-masing untuk mengenakan denda atau kompaun atau menarik balik lesen perniagaan sekiranya terdapat ketidakpatuhan atau apa-apa perkara yang menyalahi atau apa-apa perkara yang menyalahi atau tidak mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
2. Sesuatu perniagaan yang diambil tindakan oleh PBT, pemakluman akan dipanjangkan kepada SSM untuk tindakan selanjutnya di pihak SSM dan sebaliknya.
3. Pengecualian denda/ kompaun hanya apabila berlakunya kejadian *Force Majeure* atau apa-apa keadaan yang difikirkan wajar oleh pihak Kerajaan atau PBT.

8.0 PENGECUALIAN, PENAFIAN, TARIKH KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

8.1 PENGECUALIAN DAN PENAFIAN

1. PBT boleh mengecualikan apa-apa peruntukan, fi atau caj yang dinyatakan di dalam garis panduan ini tertakluk kepada undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa.
2. PBT atau mana-mana agensi lain tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan, kemusnahan, kerugian, kecederaan atau kemalangan yang disebabkan oleh aktiviti perniagaan dari rumah.
3. Garis panduan ini boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut keperluan yang difikirkan wajar oleh Kerajaan.

8.2 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa untuk digunakan oleh PBT pada tarikh yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

8.3 PEMBATALAN

Kerajaan Persekutuan berhak untuk membatalkan garis panduan ini pada bila-bila masa.

9.0 PENUTUP

Garis panduan ini perlu dibaca bersama-sama dengan undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa, undang-undang kecil PBT serta arahan atau pekeliling-pekeliling lain yang berkuat kuasa dan terpakai di PBT masing-masing.

Dengan adanya garis panduan ini, PBT di seluruh negara diharap boleh memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan dari rumah yang dijalankan dapat dikawal serta mematuhi syarat yang ditetapkan.

FAQ
GARIS PANDUAN KAWAL SELIA PERNIAGAAN DARI RUMAH

1. Bagaimanakah dengan pengurusan sisa pepejal bagi kediaman sekiranya perniagaan dibenarkan untuk dijalankan dari rumah?

PBT mungkin perlu melihat kepada tambahan syarat/ kadar fi berhubung pengurusan sisa pepejal bagi perniagaan yang dijalankan dari rumah. Kadar bagi pengurusan sisa pepejal ini mungkin boleh berbeza dengan rumah kediaman yang lain.

2. Bagaimanakah dengan penetapan kadar elektrik bagi kediaman yang menjalankan perniagaan dari rumah? Kediaman yang menjalankan aktiviti ini dijangka akan menggunakan tenaga elektrik yang lebih tinggi berbanding kediaman biasa.

PBT mungkin perlu mengadakan perbincangan bersama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menilai kesesuaian penukaran kadar tarif elektrik dari kediaman kepada industri.

Walau bagaimanapun, perniagaan dari rumah yang dibenarkan adalah berbeza-beza dan hanya secara berskala kecil dan tidak memberi impak penggunaan elektrik yang terlalu tinggi.

3. Apakah yang dimaksudkan dengan penerimaan pelanggan pada tahap minimum dan terhad sepertinya yang dinyatakan dalam ciri-ciri asas?

Berdasarkan pemerhatian, terdapat sesetengah perniagaan yang akan menerima pelanggan di kediaman mereka untuk transaksi perniagaan (contoh: jualan makanan). Perniagaan dari rumah dibenarkan untuk menerima pelanggan dari rumah tetapi perniagaan tidak dibenarkan untuk membuka kawasan kepada pelanggan untuk kekal di premis untuk satu tempoh masa yang lama (contoh: membuka meja makan untuk pelanggan makan di kediaman).

Sekiranya kehadiran pelanggan berada di luar kawalan atau PBT menerima aduan daripada jiran, PBT berhak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya dalam memastikan aktiviti perniagaan dari rumah ini tidak menimbulkan kacau ganggu kepada jiran dan penduduk setempat.

4. Garis Panduan Kawal Selia Perniagaan Dari Rumah menyatakan bahawa hanya 25% daripada luas ruang binaan lantai kediaman dibolehkan untuk perniagaan. Adakah kesemua PBT perlu mengikut ketetapan ini?

Ketetapan 25% daripada luas ruang binaan lantai kediaman adalah luas asas bagi memastikan perniagaan dari rumah kekal berskala kecil. Walau bagaimanapun, PBT boleh menyesuaikan skop kebenaran luas ruang ini sama ada kediaman atau kawasan rumah secara keseluruhan bergantung kepada kesesuaian di PBT masing-masing.

Sebagai contoh, di kawasan ruang luar bandar, ruang kawasan rumah adalah lebih besar berbanding di kawasan bandar seperti rumah pangsa/ teres dan sebagainya. Justeru, skala perniagaan yang ditakrifkan sebagai berskala kecil adalah berbeza mengikut demografi PBT masing-masing.

5. Bolehkah aktiviti perniagaan yang dibenarkan atau dilarang dikurangkan daripada yang dinyatakan di dalam garis panduan?

Aktiviti-aktiviti yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan ini adalah berdasarkan perbincangan bersama kesemua Kementerian/ Agensi/ Jabatan yang berkenaan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan PBT yang telah melaksanakan garis panduan ini contohnya negeri Selangor.

Oleh kerana setiap PBT mempunyai demografi dan sosio-ekonomi yang berbeza-beza, setiap PBT berhak untuk menukar status sebahagian aktiviti perniagaan yang dibenarkan kepada aktiviti perniagaan yang dilarang tertakluk kepada kesesuaian di PBT masing-masing.

Walau bagaimanapun, KUSKOP memohon agar aktiviti perniagaan yang dilarang tidaklah lebih longgar berbanding ketetapan yang telah dinyatakan di dalam garis panduan ini.

6. Bolehkah syarat bagi permohonan lesen/ premit mengikut kategori bagi perniagaan dari rumah dilonggarkan berbanding ketetapan di dalam garis panduan?

Syarat bagi permohonan lesen/ premit perniagaan dari rumah mengikut kategori makanan dan bukan makanan telah dibincangkan bersama kesemua Kementerian/ Agensi/ Jabatan yang berkenaan.

PBT berhak untuk mengurangkan dokumen asas bagi permohonan lesen/ premit perniagaan dari rumah. Walau bagaimanapun, PBT dimohon untuk mengekalkan syarat dokumen yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan perniagaan yang dijalankan dari rumah tidak menimbulkan ancaman kesihatan kepada peniaga, pelanggan dan penduduk setempat.

7. Apakah kategori lesen yang paling sesuai bagi membolehkan aktiviti perniagaan dari rumah dijalankan?

Penetapan bagi kategori lesen telah dinyatakan di dalam garis panduan iaitu Lesen Perniagaan Dari Rumah atau Lesen Perniagaan Dari Rumah (Dalam Talian) atau Lesen/ Permit Sementara.

Sehubungan itu, PBT berhak untuk mengenalpasti kategori lesen yang bersesuaian untuk diberikan kepada perniagaan dari rumah. Sebagai contoh, di negeri Selangor, aktiviti perniagaan dalam talian (dari rumah) telah dibenarkan secara keseluruhan dan perniagaan ini telah memperoleh lesen yang sah.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya PBT ingin melaksanakan kawalan yang lebih ketat, PBT boleh memberikan lesen/ premit sementara kepada perniagaan ini sebelum dipindahkan ke kawasan komersial yang lebih sesuai.

8. Siapakah pihak yang dibenarkan untuk menjalankan penguatkuasaan bagi aktiviti perniagaan dari rumah?

Pihak yang mempunyai autonomi dalam menjalankan penguatkuasaan bagi aktiviti perniagaan dari rumah adalah PBT. Sehubungan itu, PBT juga boleh mengadakan kerjasama dengan agensi lain terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sekiranya aktiviti penguatkuasaan hendak dilaksanakan.